

## **KADAR TUNTUTAN PEMBELIAN MAKANAN TAMBAHAN / MAKANAN KESIHATAN MENGGUNAKAN ELAUN PERUBATAN KAKITANGAN**

1. Kegunaan elaun perubatan kakitangan **RAC dipanjangkan bagi tujuan pembelian makanan tambahan/suplemen kesihatan** dengan had tuntutan berjumlah **RM150.00 sebulan**. (Mesyuarat Bersama Jabatan MBJ Bil.1 Tahun 2022 bertarikh 15 April 2022)
2. Had kelayakan elaun perubatan setiap pegawai adalah tidak berubah.

## **TUNTUTAN PEMBELIAN MAKANAN TAMBAHAN / MAKANAN KESIHATAN**

1. Sertakan **resit asal tidak melebihi RM150 sebulan** bersama tuntutan (jika pembelian dibuat secara atas talian, resit hendaklah atas nama pegawai dan disahkan oleh pegawai penyelia).
2. Pembelian hendaklah di **farmasi-farmasi yang berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** seperti di pautan:-  
<https://www.pharmacy.gov.my/v2/sites/default/files/articles-upload/all-premises-updated-lfm-137top-julai-cp1.pdf>
3. Pembelian makanan tambahan/suplemen kesihatan **selain daripada farmasi yang berdaftar adalah tidak dibenarkan**.
4. **Memuatnaik naik resit dan gambar makanan tambahan/suplemen kesihatan** dengan nama suplemen yang jelas dalam bentuk pdf/jpg/png atau doc.
5. Pembelian makanan tambahan/jenis suplemen yang **disenaraikan dalam senarai makanan tambahan RAC sahaja dibenarkan**. (*sila rujuk RACINFOCENTRE*)
6. Pembelian makanan tambahan/suplemen kesihatan bagi tujuan berikut adalah **tidak dibenarkan**:-
  - i. Kecantikan (Contoh: rambut, kuku, kulit, dan fizikal);
  - ii. Segala jenis susu tepung/ formula/rumusan/soya;
  - iii. Segala jenis ubat-ubatan tanpa preskripsi dari Doktor Perubatan;
  - iv. Ubat-ubatan tradisional;
  - v. Membina otot; dan
  - vi. Kesihatan seksual dan kesuburan lelaki/wanita.